

# Dr. Mahathir tidak rasa kesan daripada gelaran 'penglipur lara'

KUALA LUMPUR, 11 Feb  
UM 18 FEB 2003

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak merasa apa-apa kesan daripada gelaran 'penglipur lara' dan 'doktor yang bijak mereka-reka cerita' yang diberikan oleh pemimpin tertinggi Singapura kepada dirinya.

Menurut Perdana Menteri, pemberian gelaran-gelaran itu tidak menyakitkan dirinya.

"Tidak apalah, itu komen dia. Ia tidak menyakitkan saya," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan terbaru Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang menyifatkan Dr. Mahathir sebagai 'seorang doktor yang bijak mereka-reka cerita'.

Kenyataan yang dibuat dalam satu perhimpunan di republik itu kelmarin dikeluarkan ekoran pendedahan Dr. Mahathir bahawa Chok Tong membantah cadangan negara ini membina sebuah jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan kedua-dua negara.

Ia dikeluarkan sehari selepas Singapura mengeluarkan kenyataan bahawa Dr. Mahathir disifatkan sebagai seorang "penglipur lara."

Gelaran penglipur lara itu diberikan oleh Kementerian Luar Singapura ekoran pendedahan Dr. Mahathir bahawa Chok Tong tidak bersetuju dengan pembinaan jambatan baru untuk menggantikan Tambak Johor kerana beliau mempunyai perasaan "nostalgia" terhadap Tambak Johor.

Ditanya pandangannya mengenai isu kedua-dua negara yang boleh diibaratkan sebagai sebuah cerita tanpa kesudahan, Dr. Mahathir dengan sinis berkata: "Saya memang tidak mahu meneruskan cerita ini."

Sebelum itu, Dr. Mahathir telah menyaksikan raptai majlis pembukaan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.